

Program Kembar UPM - KYM Cemerlang

Program Kembar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Kolej Yayasan Melaka (KYM) telah berjalan hampir tiga semester. Rekod kemasukan menunjukkan selain daripada jumlah kemasukan pelajar telah meningkat sepanjang tiga semester, ia juga telah menarik pelajar dari daerah-daerah di luar negeri Melaka. Jika dahulunya warga KYM terdiri hanya daripada pelajar Melaka dan segelintir pelajar dari selatan Semenanjung, kini pemdaftaran meliputi pelajar dari Terengganu, Pulau Pinang dan juga Perlis. Untuk menguji keberkesan-an Program Kembar UPM-KYM ini, 'Tribun' telah menyolo-selidik sekumpulan pelajar Bacelor Sastera Bahasa Inggeris daripada KYM. Mereka terdiri daripada 73 orang pelajar semester 3 dan kesemuanya guru-guru sekolah yang gigih menjalani program ini pada setiap

hujung minggu.

Perkara utama yang memotivasiikan mereka untuk menyertai program ini adalah kebolehan mereka untuk meneruskan perkhidmatan perguruan masing-masing dengan mendapat gaji penuh dan tanpa mengambil cuti untuk belajar. Mereka tidak perlu lagi meninggalkan keluarga untuk jangkama-sa yang panjang. Malah pihak sekolah juga tidak perlu kehilangan tenaga pengajar yang mengambil cuti belajar.

Hampir semua pelajar-pelajar ini menganggap peluang keemasan yang diberikan ini sebagai satu langkah yang dapat mempertingkatkan diri serta kelayakan masing-masing. Mereka telah meluahkan kepuasan mereka terhadap kursus-kursus yang ditawarkan, terutama kursus-kursus yang menyediakan mereka untuk menghadapi era IT yang semakin mencabar ini.

Namun setiap yang baru itu ada kelemahannya dan di antara masalah utama yang menjadi rungutan pelajar-pelajar ini adalah tentang jarak dan lokasi dewan kuliah serta keadaan bilik-bilik kuliah yang kurang kelengkapannya.

KYM prihatin tentang masalah yang dihadapi dan kini sebuah bangunan baru yang akan dimuatkan dengan bilik-bilik kuliah yang canggih sedang dibina bersebelahan dengan bangunan KYM. Ditanya tentang perasaan mereka sebagai kumpulan pertama Program Kembar UPM-KYM, 73 orang pelajar ini juga sebulat suara meluahkan rasa bangga kerana mereka akan dicontohi dan mereka juga merupakan kumpulan pertama yang akan bergraduat dari KYM dengan ijazah Bacelor Sastera.